

KERATAN: Utusan Borneo

SAB-A0434/12

TARIKH: 18/03/12  
M/S: (B5)

## Bahasa Kadazandusun bakal diajar guru bukan berketurunan Kadazandusun



Oleh HENRY BATING  
hbating@gmail.com

**B**AHASA Kadazandusun adalah bahasa etnik dari Sabah yang sudah dimasukkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Melalui kurikulum itu, bahasa Kadazandusun boleh ditawarkan di semua sekolah rendah di negara ini sebagai pilihan pelajar tanpa mengira latar belakang keturunan pelajar. Bahasa Kadazandusun, bahasa Iban dan bahasa Senoi telah menjadi pilihan tambahan selain bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Arab.

Sekolah-sekolah di Sabah boleh menawarkan bahasa Mandarin, bahasa Arab dan bahasa Kadazandusun. Kalangan pelajar boleh mengambil mana-mana satu bahasa pilihan mereka. Penawaran tiga bahasa itu adalah bersesuaian dengan kategori pilihan ramai pelajar di negeri ini (Muhiddin Yussin, 2011).

Sebelum KSSR diperkenalkan, bahasa Kadazandusun sudah dimasukkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Kemuncak daripada pengenalan bahasa Kadazandusun di sekolah rendah bermula 1997 ialah bahasa itu telah diduduki pelajar di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) buat pertama kalinya 2011.

Di samping itu, bahasa

Kadazandusun sejak 1998 sudah ditawarkan sebagai salah satu daripada 10 kursus bahasa antarabangsa dan tempatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bermula 2010, bahasa Kadazandusun ditawarkan sebagai kursus minor Ijazah Sarjana Muda pengajian bahasa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak. Menambah kembangkan lagi pembangunan bahasa itu, bermula Jun 2012, bahasa Kadazandusun ditawarkan sebagai program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) di empat buah Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sabah.

Empat buah IPG itu adalah IPG Gaya, IPG Kent, IPG Keningau dan IPG Tawau. Dan baru-baru ini, Huguon Siou Tan Sri Joseph Pairin Kitingan telah mengumumkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jun 2012 akan menyempurnakan upacara pecah tanah untuk Kolej Komuniti/Universiti Kadazandusun di tapak seluas 600 ekar di Kg Kaingaran, Tambunan.

Kini bahasa Kadazandusun dipelajari secara umum baik pelajar berketurunan Kadazandusun mahupun bukan demi menerokai potensi yang ada di hadapan. Bahawa lulusan bidang bahasa Kadazandusun boleh menjadi guru skel DG41 dengan gaji permulaan hampir RM3,000. Bahawa lulusan ijazah lanjutan bahasa Kadazandusun boleh

menjadi pensyarah skel DS45 dengan gaji permulaan hampir RM5,000. Kelanjutannya, jawatan hakiki mereka boleh bergerak sehingga ke kategori

perkhidmatan Jusa, pensyarah kanan, profesor madya atau profesor.

Di samping potensi dalam bidang akademik, lulusan bahasa Kadazandusun juga boleh memegang jawatan rangkap dengan bidang-bidang kemahiran lain, menjadi perunding penerbitan di Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Penyiaran Malaysia, Astro, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Negara, Bahagian Buku Teks Kementerian Pelajaran Malaysia, akhbar-akhbar tempatan berslot bahasa Kadazandusun di Sabah dan badan-badan penerbitan NGO atau swasta yang terlibat dengan penghasilan dokumentari budaya etnik di Sabah.

Malahan pengetahuan tentang bahasa dan budaya etnik di Sabah dalam kalangan lulusan bahasa Kadazandusun boleh menjadi asas untuk memulakan syarikat penerbitan sendiri bagi pasaran ke pelbagai pusat penyiaran audio visual di dalam dan luar negara.

Namun demikian, terdapat sedikit kendala dalam kalangan pelajar berketurunan Kadazandusun sekarang di mana ada di kalangan mereka masih belum melihat potensi yang sedang dibuka oleh kerajaan. Persepsi segelintir pelajar berkenaan telah dirangsang oleh realiti yang menyakitari proses pembesaran mereka dalam keluarga dan masyarakat.

Bahawa mereka tidak pernah mendapat pendedahan tentang nilai bahasa ibunda mereka. Bahawa mereka tidak pernah mendapat input betapa bahasa ibunda mereka memiliki nilai ilmu pengetahuan. Mereka tidak

UB - 18/03 (12 (B5))

pernah melihat figur masyarakat yang taraf hidup mereka telah diangkat oleh kepakaran dalam bidang bahasa Kadazandusun.

Akibatnya terdapat calon yang mendapat tawaran mengikuti pengajian ijazah sarjana muda pendidikan bahasa Kadazandusun di IPG menolak mentah-mentah tawaran yang diperolehi.

Sebab yang diberikan tidak lain dari satu praanggapan leceh. "Tidak siok bah itu Dusun!". Demikian calon itu menolak tawaran yang datang kepadanya dengan harapan mendapat tawaran lain yang lebih berstatus tinggi dan bertaraf dunia.

Dalam pembelajaran di sekolah, terdapat juga pelajar berketurunan Kadazandusun yang melecehkan kebolehan rakan mereka dari keturunan lain untuk menguasai bahasa Kadazandusun. Rakan berketurunan lain itu dikhabarkan menangis kerana berhadapan dengan satu kebimbangan tidak mampu menguasai bahasa yang dia ambil. Apatah lagi rakan saingannya ada mengatakan, "Alalaaa, ini bahasa Kadazandusun, memang kami cakap-cakap di rumah, memang tidak susah punya!". Demikian kata pelajar itu walhal dalam kehidupan realnya, pelajar berkenaan berbahasa Melayu di rumah. Sudah pasti bahasa Melayu yang digunakan adalah bahasa Melayu Sabah yang bercampur-aduk dengan bahasa ibundanya.

Kemudian apa yang telah berlaku? Pelajar yang pernah menangis itu mendapat keputusan peperiksaan yang sangat baik. Tidak seperti pelajar yang meleceh-leceh itu yang

tidak pun mendapat keputusan kepujian. Dari senario itu, dapat dimengerti bahawa pelajar yang meleceh-leceh tadi tidak pernah pun mempelajari bahasa ibundanya secara akademik.

Di rumah juga tidak menuturkan bahasa ibundanya dengan penuh. Berbeza dengan pelajar yang pernah menangis itu, sudah pasti dia telah memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran guru dalam kelas, melakukan latihan-latihan secara tersusun dan mengulang kaji setiap nota, buku teks dan bahan rujukan yang ada.

Berdasarkan hakikat berkenaan, masyarakat Kadazandusun sedang berhadapan dengan satu keadaan yang memundurkan. Mereka belum melihat nilai akademik, nilai ilmu, nilai pengetahuan, potensi industri dan kualiti produksi dari bahasa ibunda mereka yang kini sudah berada dalam pelbagai kurikulum. Justeru terdapat keperluan bagi masyarakat berkenaan untuk belajar bagi melihat masa hadapan yang sangat lumayan itu. Namun demikian, adakah mereka bersedia untuk menyelidiki potensi itu? Seandainya langkah sedemikian tidak diambil, maka dapat diramalkan bahawa mereka akan ketinggalan dalam memetik hasil bahasa ibunda mereka sendiri.

Rekod pembelajaran bahasa Kadazandusun ada menyatakan bahawa pelajar bukan berketurunan Kadazandusun memperoleh pencapaian yang cemerlang berbanding apa yang dicapai oleh pencapaian rata-rata pelajar berketurunan Kadazandusun. Reliti

masa kini juga menyatakan bahawa bilangan pelajar bukan berketurunan Kadazandusun yang mempelajari bahasa Kadazandusun di sekolah rendah, sekolah menengah dan UMS mewakili komposisi yang bukan sedikit. Pada waktu yang sama, beberapa buah sekolah rendah di kawasan Lembah Klang Semenanjung Malaysia juga telah menyatakan permintaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melihat kemungkinan memperkenalkan bahasa Kadazandusun di sekolah masing-masing.

Perkembangan tersebut memberikan satu kesimpulan bahawa bahasa Kadazandusun sedang berkembang ke sekolah-sekolah di luar lingkungan masyarakat Kadazandusun.

Akan tetapi kerajaan berhadapan dengan kekurangan tenaga pengajar dan ahli akademik bidang bahasa Kadazandusun untuk memenuhi perkembangan itu. Pada waktu yang sama segelintir generasi Kadazandusun belum bersedia menjadikan bidang bahasa Kadazandusun sebagai major pengajian mereka.

Maka dengan itu, tidak lama dari sekarang, terdapat keberangkalan bahawa kekosongan tenaga pengajar bahasa Kadazandusun akan layak diisi oleh lulusan bukan berketurunan Kadazandusun. Dan mungkin suatu hari nanti, sebuah sekolah terpencil yang seratus peratusnya pelajarinya berketurunan Kadazandusun bakal menerima kehadiran guru bahasa Kadazandusun yang bukan berketurunan Kadazandusun.